

KERATAN AKHBAR

TARIKH : 22 JULAI 2025

AKHBAR : SINAR HARIAN

MUKA : 5
SURAT

Atasi tiga 'I' untuk laksana RMK13 - Pakar

Atasi tiga 'I' untuk laksana RMK13 - Pakar

KUALA LUMPUR - RMK13 tidak dapat dilaksanakan dengan berkesan sekiranya tiga cabaran utama dalam sistem pentadbiran dan perpaduan rakyat gagal diatasi oleh kerajaan.

Pengarah Eksekutif Institut Antarabangsa Polisi Awam dan Pengurusan (INPUMA) Universiti Malaya (UM), Datuk Dr Anis Yusal Yusoff berkata, cabaran tersebut melibatkan masalah integriti, integrasi dan *intrigue* (perebutan kuasa) yang menyebabkan negara masih di takuk sama selagi tidak diberi perhatian serius oleh kerajaan serta seluruh lapisan masyarakat.

Menurut beliau, ketiga-tiga isu berkenaan menjadi punca utama banyak dasar pembangunan dan pembaharuan di negara ini gagal mencapai impak sebenar.

"Tiga 'I' ini bukan perkara baharu tetapi tidak pernah ditanganai secara menyeluruh. Kita sering bercakap soal strategi, institusi dan pelan tindakan namun gagal menyatukan usaha ke arah penyelesaian yang berkesan.

"Masalah integriti adalah 'kepala pertama' yang perlu dipancung terlebih dahulu kerana ia menjadi punca kepada banyak kerosakan termasuk penyalahgunaan kuasa, ketirisan dana awam dan lemahnya kepercayaan rakyat terhadap institusi," katanya kepada *Sinar Harian*.

Dalam pada itu beliau menjelaskan, isu integrasi nasional terutama antara Semenanjung, Sabah dan Sarawak masih belum diselesaikan secara tuntas sejak merdeka.

"Kita sering bercakap tentang integrasi kaum Melayu, Cina dan India tetapi kita lupa jurang perbezaan fizikal, budaya serta sejarah antara tiga wilayah utama di Malaysia.

"Sabah dan Sarawak mempunyai sejarah penjajahan berbeza malah sub etnik yang jauh lebih pelbagai. Kita sendiri tidak



ANIS YUSAL

kenal mereka. Kalau tidak kenal, bagaimana mahu membina rasa hormat dan tanggungjawab se-sama kita," ujarnya.

Anis Yusal berkata, cabaran *intrigue* pula menjadi ancaman paling bahaya yang merujuk kepada perebutan kuasa berterusan dalam kalangan elit politik

yang semakin membarah sejak lima tahun kebelakangan ini.

Memberi contoh pertukaran kuasa dalam tempoh singkat, situasi tersebut menjadikan negara diancam ketidakstabilan sekiranya rancangan merampas kuasa terus berlaku.

"Kita lihat berapa kali kuasa bertukar tangan. Dalam diam masih ada kumpulan yang menunggu masa 'menebuk atap'.

"Oleh itu semua pihak perlu meletakkan kepentingan negara di hadapan berbanding agenda peribadi dan kuasa," ujarnya.